

**NO. SOALAN : 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 10 JUN 2015**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak kementerian akan memaparkan pada orang ramai 31 buah syarikat yang telah disahkan melakukan penipuan ke atas pakej umrah yang ditawarkan bagi memberi peringatan kepada orang ramai agar berhati-hati dengan agensi pelancongan ini.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia tidak pasti yang mana 31 buah syarikat yang dirujuk oleh Yang Berhormat dalam laporan mengenai berlakunya penipuan ke atas pakej umrah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini hanya syarikat-syarikat yang telah disabitkan bersalah oleh mahkamah sahaja boleh dipaparkan di laman sesawang Kementerian.

Setakat ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan hanya dapat mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat yang didapati melanggar terma syarat bagi pakej-pakej umrah yang ditawarkan mengikut Akta Industri Pelancongan 1992 (Akta 482). Untuk makluman, Kementerian telah membatalkan sembilan (9) lesen perniagaan syarikat pengendalian pelancongan bagi tempoh 2009 – Mei 2015 yang gagal memulangkan wang para jemaah setelah didapati gagal menyediakan perkhidmatan yang dijanjikan.

Sekian, terima kasih.